# PRESS STATEMENT

## Minister of Foreign Affairs, Malaysia

### STATEMENT BY YB DATO' SRI ANIFAH HAJI AMAN, MINISTER OF FOREIGN AFFAIRS OF MALAYSIA REGARDING THE MALAYSIAN GOVERNMENT'S DECLARATION OF HIS EXCELLENCY MR. KANG CHOL, THE AMBASSADOR OF THE DEMOCRATIC PEOPLE'S REPUBLIC OF KOREA AS PERSONA NON GRATA

1. Pursuant to my instructions, His Excellency Mr. Kang Chol, the Ambassador of the Democratic Peoples' Republic of Korea (DPRK) was summoned to the Ministry of Foreign Affairs. He was to have met with YM Ambassador Raja Nushirwan bin Zainal Abidin, the Deputy Secretary General for Bilateral Affairs of the Foreign Ministry, today at 6.00 p.m.

2. However, neither the Ambassador nor senior officials of the Embassy was in a position to be present at the Ministry.

3. For this reason, the Ministry has via a Diplomatic Note sent to the Embassy this evening, informing the DPRK government that His Excellency Mr. Kang Chol that the Malaysian government has declared him Persona Non Grata. He is expected to leave Malaysia within 48 hours from the scheduled time of the meeting, namely 6.00 p.m., 4 March 2017.

4. It can now be revealed that at 5.00 p.m., Tuesday, 28 February 2017, officials from the Ministry of Foreign Affairs, led by the Deputy Secretary General for Bilateral Affairs, met with the High Level Delegation from the DPRK led by H.E. Mr. Kim Song. During the meeting, the Malaysian government demanded a written apology from the DPRK for the accusations recently made against Malaysia by the DPRK Ambassador.

5. The DPRK delegation was informed that if no response is received by 10.00 p.m. that day, the Malaysian government would take measures that would best protect its interests.

6. Almost four days have passed since the deadline lapsed. No such apology has been made, neither has there been any indication that one is forthcoming. For this reason, the Ambassador has been declared Persona Non Grata.

7. Persona Non Grata literally means "Person Not Appreciated". A person declared as such by the receiving State is barred from entering or remaining in the

country. It is the most serious form of disapproval that the country can apply to foreign diplomats.

8. It is also often used to express displeasure at the conduct or policies of the sending State.

9. According to Article 9 of the Vienna Convention on Diplomatic Relations (1961), the receiving country may at any time and without having to explain its decision, declare ambassadors or heads of missions or any member of the diplomatic staff as Persona Non Grata. In such cases, the sending State shall recall the person or terminate his function with the embassy or mission. If the sending State refuses to do so, the receiving State may refuse to recognise the person concerned as a member of the embassy or mission.

10. It should be made clear – Malaysia will react strongly against any insults made against it or any attempt to tarnish its reputation.

11. It should be recalled that the Ambassador had alleged that the conduct of the investigation into the death of a DPRK citizen on 13 February 2017 indicates that the Malaysian government had something to hide and that Malaysia has colluded with outside powers to defame his country. Recent events, including the release of Mr. Ri Jong Chol, a DPRK national, from police custody for the lack of evidence to charge him, is proof that the investigation is conducted in an impartial, fair and transparent manner, as befits a country that practices the rule of law.

12. The expulsion of the DPRK Ambassador comes at the heels of the decision of the Malaysian government, announced by YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, the Deputy Prime Minister that effective on Monday, 6 March 2017, citizens of the DPRK require visas to enter Malaysia. This is an indication of the government's concern that Malaysia may have been used for illegal activities.

13. These measures are part of the process by the Malaysian government to review its relations with the DPRK.

Minister of Foreign Affairs
**PUTRAJAYA**
4 March 2017

# KENYATAAN MEDIA

## Menteri Luar Negeri, Malaysia

---

**KENYATAAN OLEH YB DATO' SRI ANIFAH HAJI AMAN**

**MENGENAI PENGISYTIHARAN KERAJAAN MALAYSIA BAHAWA**

**TYT KANG CHOL, DUTA BESAR REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT**

**KOREA ADALAH PERSONA NON GRATA**

1. Susulan dari arahan saya, TYT Kang Chol, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) telah dipanggil (*summoned*) ke Kementerian Luar Negeri. Beliau dijadualkan untuk bertemu dengan YM Ambassador Raja Nushirwan bin Zainal Abidin, Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala Kementerian Luar Negeri pada hari ini jam 6.00 petang.

2. Walaubagaimanapun, TYT Kang Chol mahupun pegawai kanan dari Kedutaan tidak dapat menghadirkan diri ke Kementerian Luar Negeri.

3. Oleh yang demikian, Kementerian Luar Negeri melalui Nota Diplomatik yang dihantar kepada Kedutaan DPRK telah memaklumkan bahawa TYT Kang Chol telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai Persona Non Grata. Beliau dikehendaki meninggalkan Malaysia selewat-lewatnya 48 jam dari masa mesyuarat tersebut, iaitu 6.00 petang, 4 Mac 2017.

4. Sekarang boleh diumumkan bahawa pada pukul 5.00 petang, Selasa, 28 Februari 2017, pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala Kementerian Luar Negeri, telah berjumpa dengan Delegasi Peringkat Tinggi DPRK yang diketuai oleh TYT Kim Song. Pada mesyuarat tersebut, Kerajaan Malaysia telah menuntut supaya Kerajaan DPRK mengemukakan permohonan maaf secara bertulis bagi dakwaan-dakwaan yang telah dilontarkan oleh Duta Besar DPRK terhadap Malaysia.

5. Kerajaan DPRK juga telah dimaklumkan bahawa andainya jawapan tidak diterima selewat-lewatnya pukul 10.00 malam hari yang sama, maka Kerajaan Malaysia akan mengambil langkah-langkah untuk mempertahankan kepentingan negara.

6. Hampir empat hari telah berlalu selepas tamatnya tempoh tersebut. Permohonan maaf masih belum diterima, Kerajaan DPRK juga tidak memberi isyarat yang mereka akan memohon maaf. Oleh yang demikian, Duta Besar DPRK telah disytiharkan Persona Non Grata.

7. Persona Non Grata diterjemahkan secara kasarnya bermaksud “Orang yang Tidak Dihargai”. Seseorang yang telah diisytiharkan sedemikian dilarang masuk atau terus berada disesebuah negara. Ia merupakan bentuk kecaman yang paling serius yang boleh dikenakan ke atas seseorang diplomat asing.

8. Ia juga seringkali digunakan untuk memberi isyarat tidak senang hati terhadap tingkahlaku atau dasar negara penghantar.

9. Mengikut artikel 9 Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Diplomatik (1961), negara penerima boleh, pada bila-bila masa dan tanpa memberi sebarang alasan, mengisytiharkan duta besar atau ketua perwakilan atau pegawai diplomatik sebagai Persona Non Grata. Dalam hal sedemikian, negara penghantar akan memanggil pulang inidividu berkenaan ataupun menamatkan fungsi beliau di kedutaan atau perwakilan. Jika negara penghantar tidak mahu berbuat demikian, maka negara penerima boleh menamatkan pengiktirafan terhadap individu tersebut sebagai ahli kedutaan atau perwakilan.

10. Ingin ditekankan – Malaysia akan mengambil tindakan keras terhadap apajua penghinaan mahupun usaha untuk memburukkan nama negara.

11. Harus diingat bahawa Duta Besar tersebut telah membuat tuduhan bahawa proses penyiastan terhadap warganegara DPRK yang meninggal dunia pada 13 Februari lalu menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai sesuatu yang hendak disembunyikan dan Malaysia bersekongkol dengan kuasa luar untuk memburukkan negara negara beliau. Pembebasan Encik Ri Jong Chol, seorang warganegara DPRK, dari tahanan polis disebabkan tidak mempunyai bukti yang cukup untuk didakwa, jelas menunjukkan bahawa penyiasatan tersebut tidak berat sebelah, adil dan telus, sesuai dengan sesebuah negara yang ditadbir berdasarkan undang-undang.

12. Pengusiran Duta Besar DPRK datangnya sejurus selepas keputusan Kerajaan Malaysia, seperti yang diumumkan oleh YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri bahawa bermula hari Isnin, 6 Mac 2017, warganegara DPRK dikenakan visa untuk masuk ke Malaysia. Tindakan ini menunjukkan bahawa Malaysia memandang berat apajua cubaan untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

13. Langkah-langkah ini merupakan sebahagian proses Kerajaan Malaysia untuk menilai semula hubungannya dengan DPRK.

Menteri Luar Negeri

**PUTRAJAYA**
4 Mac 2017